

**Noh Tidak Bertanding MT Umno
Bernama
5 Sept, 2013**

SHAH ALAM, 5 Sept (Bernama) -- Pengerusi Badan Perhubungan Umno Selangor Datuk Seri Noh Omar hari Khamis mengumumkan tidak bertanding untuk mempertahankan jawatan sebagai anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno pada pemilihan kali ini.

Bercakap pada Majlis Aidilfitri dan sambutan ulangtahun Kemerdekaan anjuran Pergerakan Wanita Umno Selangor di sini malam ini, Noh berkata beliau mahu memberi tumpuan sepenuhnya kepada Umno dan Barisan Nasional negeri berikutan senario politik di Selangor yang memerlukan komitmen tinggi.

Ia juga bagi membolehkan beliau memberikan tumpuan selaku Pengerusi Majlis Tindakan Persekutuan dalam memastikan segala projek dan peruntukan kerajaan Persekutuan dilaksanakan dengan berkesan untuk dinikmati dan dihargai rakyat Selangor, katanya.

Beliau berkata adalah penting bagi beliau menunaikan amanah dan harapan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak untuk mengembalikan Selangor ke pangkuan BN dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 nanti.

"Saya janji kalau Selangor tidak ada perubahan iaitu hanya 12 ADUN BN atau kurang pada PRU14, saya janji lepaskan jawatan Pengerusi Perhubungan Umno, saya beri laluan kepada orang baru," katanya.

Noh berkata tindakannya juga sebagai menghormati suara sayap Umno negeri yang mahu wakil-wakil mereka bertanding dalam MT Umno.

Antara wakil-wakil itu ialah Ketua Wanita Umno negeri Senator Datuk Raja Ropiah Raja Abdullah, Ketua Pemuda Umno Selayang Datuk Sohaimi Shahadan, dan Ketua Bahagian Puchong Datuk Mohamad Satim Diman.

Pada majlis itu, Noh mengumumkan sokongan Badan Perhubungan Umno Selangor kepada Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil untuk mempertahankan jawatan Ketua Wanita Umno Malaysia.

Raja Ropiah juga mengumumkan sokongan Wanita Umno Negeri kepada Shahrizat yang hadir pada majlis itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975580>